

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2015

RUJUKAN : 7633

SOALAN:

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [LANANG] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan:-**

- (a) Jumlah bilangan pemilik senjata api yang berdaftar/
mempunyai lesen (atau permit) di Sibul dan anggaran jumlah
pemilik senjata api yang tidak berdaftar; dan
- (b) Jumlah kes tembakan yang berlaku di Sibul sejak 2005-2015
dan jumlah kes yang dibawa ke mahkamah

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sehingga 28 Februari 2015, sejumlah 2,148 lesen senjata api telah diluluskan di Sibu, Sarawak. Kementerian Dalam Negeri dan pihak polis tidak mempunyai statistik berhubung dengan senjata api yang tidak berlesen. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat berhubung pemilikan senjata api tidak berlesen, Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan maklumat kepada Kementerian dan pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Bagi menjawab soalan (b) pula, sejak tahun 2005 sehingga Februari 2015, sebanyak 33 tembakan yang tidak mengikut prosedur perundangan telah dilepaskan di Sibu, Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 kes telahpun dihadapkan ke mahkamah dan kes tersebut masih dalam perbicaraan.